3: Pelajar membuat pengesahan kursus dan pra pendaftaran kursus LI (satu semester sebelum LI).	Pelajar LI	UniSIS																											
4: Pelajar memohon penempatan LI dari syarikat yang berkaitan.	Pelajar LI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Permohonan Penempatan LI</li> <li>• Resume</li> <li>• Portfolio</li> </ul>																											
5: Pelajar ditemu duga/disaring oleh syarikat.	Pelajar LI Pihak Industri																												
6: Pelajar mendapat maklum balas dari syarikat. Jika tiada, pelajar perlu membuat susulan (follow-up) dengan pihak syarikat.	Pelajar LI																												
7: Jika ditolak, pelajar perlu memohon semula kepada syarikat yang lain.	Pelajar LI																												
8: Jika diterima, pelajar perlu membuat pemilihan sama ada untuk menerima pihak syarikat. Pelajar	Pelajar LI	Surat Penolakan																											

Jadual 6: Ringkasan Proses Semasa Menjalani Latihan Industri			
	Perkara	Tanggungjawab	Dokumen
4.2.5 Berjumpa dan berbincang dengan Penyelaras LI mengenai kesesuaian organisasi menjalani LI.	1: Pelajar lapor diri di syarikat dan menyerahkan borang lapor diri kepada majikan.	Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Penempatan LI</li> <li>• Borang Lapor Diri</li> <li>• Kad Matrik</li> </ul>
4.2.6 Mengisi dan melengkapkan Surat Perakuan Menjalankan Program Latihan Industri Melebihi Tempoh Masa yang ditetapkan oleh UPSI sekiranya pelajar menjalani LI melebihi masa yang ditetapkan oleh UPSI (Jika berkaitan).			
4.3 Keperluan Semasa Latihan Industri	2: Pelajar menyerahkan borang lapor diri (emel) kepada Penyelaras LI.	Pelajar	Borang Lapor Diri
Semasa menjalani LI, pelajar diwajibkan:	3: Penyelaras menetapkan Penyelia Akademik kepada setiap pelajar.	Penyelaras LI	UniSIS
4.3.1 Melapor diri di Organisasi LI pada tarikh dan masa yang ditetapkan.	4: Pelajar mengisi buku log setiap hari bekerja berserta catatan mingguan dan disahkan secara berkala oleh Penyelia Industri.	Pelajar	Buku Log
4.3.2 Berjumpa dan berbincang dengan Penyelia Industri yang dilantik oleh organisasi LI.		Penyelia Industri	
4.3.3 Mengembalikan Borang Lapor Diri yang telah dilengkapkan kepada Penyelaras dan Pensyarah Penyelia dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh lapor diri. Serahan borang tersebut sama ada boleh dijemel atau dimuatnaik di MyGuru.	5: Penyelia Akademik menghantar surat makluman lawatan penyeliaan LI kepada industri	Penyelia Akademik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Lawatan Penyeliaan</li> </ul>
4.3.4 Sekiranya melibatkan penggunaan aset, pelajar perlu mengisi dan mengembalikan Borang Persetujuan Penggunaan Harta Benda yang telah lengkap kepada PuLaMI dan Fakulti dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh lapor diri. Serahan borang tersebut boleh dibuat sama ada melalui dijemel atau dimuatnaik di MyGuru.			
4.3.5 Memulakan penulisan catatan harian dan tugas-tugas lain seperti yang diterangkan di Bahagian 3.8.			
4.4 Tindakan Di Minggu Terakhir Latihan Industri			
Pelajar hendaklah:			
4.4.1 Mengingatkan Penyelia Industri supaya mengisi Borang Penilaian dan kemudian menyerahkannya pada Pensyarah Penyelia di minggu terakhir LI.			
4.4.2 Membuat serahan Buku Log dan Laporan Akhir LI (yang telah disahkan oleh Penyelia Industri) kepada Pensyarah Penyelia di minggu terakhir LI.			

	<p>4.4.3 Bagi serahan dokumen tugas, pelajar dikehendaki menulis butiran berikut di bahagian muka depan (cover page) bagi memudahkan pengesahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Nama pelajar</li> <li>b) No. Matrik</li> <li>c) Program</li> <li>d) Pengesahan Penyelia Industri (bagi laporan Mingguan dan laporan akhir)</li> </ul> <p><b>4.5 Penyeliaan</b></p> <p>4.5.1 Pensyarah Penyelia perlu melakukan lawatan penyeliaan seperti di Jadual 2 sepanjang tempoh LI, kecuali kes-kes khas yang memerlukan penambahan bilangan kali penyeliaan.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #0070C0; color: white;">Minggu Pelaksanaan LI</th><th style="background-color: #0070C0; color: white;">Penyeliaan LI</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8 minggu</td><td>Sekali</td></tr> <tr> <td>10 minggu</td><td></td></tr> <tr> <td>12 minggu</td><td></td></tr> <tr> <td>16 minggu</td><td>Dua kali</td></tr> <tr> <td>24 minggu</td><td></td></tr> </tbody> </table> <p><b>Jadual 2</b></p> <p>4.5.2 Penyeliaan oleh pihak Penyelia Industri bersifat berterusan sepanjang tempoh LI berjalan.</p>	Minggu Pelaksanaan LI	Penyeliaan LI	8 minggu	Sekali	10 minggu		12 minggu		16 minggu	Dua kali	24 minggu		<p>6: Penyelia Akademik membuat lawatan penyeliaan ke industri pada pertengahan tempoh LI.</p> <p>7: Pelajar menyiapkan laporan akhir.</p> <p>8: Penyelia Akademik dan Industri membuat penilaian ke atas pembentangan pelajar (secara maya).</p> <p>9: Penyelia Industri menilai pelajar dan menghantar markah (emel) kepada Penyelia Akademik pada minggu akhir LI.</p> <p><b>8.3 Selepas Latihan Industri</b></p> <p><b>Jadual 7: Ringkasan Proses Selepas Menjalani Latihan Industri</b></p>	<p>Penyelia Akademik Penyelia Industri Pelajar</p> <p>Pelajar Laporan Akhir</p> <p>Penyelia Akademik Penyelia Industri Pelajar</p> <p>Penyelia Industri Tugasan Khusus • Borang Penilaian Penyelia Akademik • Borang Penilaian Penyelia Industri</p> <p>Penyelia Industri Borang Penilaian Penyelia Industri</p>
Minggu Pelaksanaan LI	Penyeliaan LI														
8 minggu	Sekali														
10 minggu															
12 minggu															
16 minggu	Dua kali														
24 minggu															

		Perkara	Tanggungjawab	Dokumen												
		<p>1: Pelajar menghantar dokumen yang berkaitan kepada Penyelia Akademik seminggu selepas tamat LI.</p> <p>2: Penyelia Akademik menilai laporan akhir pelajar</p> <p>3: Penyelia Akademik memasukkan markah akhir ke dalam sistem Unisis.</p> <p>4: Penyelaras LI membentang laporan markah LI kepada PuLaMI di mesyuarat pengurusan markah.</p> <p>5: Pengarah PuLaMI membentang laporan markah LI di mesyuarat JKPU/Senat.</p> <p>6: Markah dihebahkan kepada pelajar.</p>	<p>Pelajar Penyelia Akademik Penyelia Akademik Penyelaras LI PuLaMI JKPU</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Akhir</li> <li>Buku Log</li> <li>Borang Penilaian</li> <li>Penyelia Akademik</li> <li>Borang Penilaian Keseluruhan</li> <li>Laporan markah</li> <li>Laporan gagal</li> <li>Laporan markah</li> <li>Laporan gagal</li> </ul>												
9.	<b>4.5 Penyeliaan</b> <p>4.5.1 Pensyarah Peryelia perlu melakukan lawatan penyeliaan seperti di Jadual 2 sepanjang tempoh LI, kecuali kes-kes khas yang memerlukan penambahan bilangan kali penyeliaan.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Minggu Pelaksanaan LI</th> <th>Penyeliaan LI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8 minggu</td> <td>Sekali</td> </tr> <tr> <td>10 minggu</td> <td></td> </tr> <tr> <td>12 minggu</td> <td></td> </tr> <tr> <td>16 minggu</td> <td></td> </tr> <tr> <td>24 minggu</td> <td>Dua kali</td> </tr> </tbody> </table>	Minggu Pelaksanaan LI	Penyeliaan LI	8 minggu	Sekali	10 minggu		12 minggu		16 minggu		24 minggu	Dua kali	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyeliaan LI (Bab 4.5) dipindahkan ke Bab 9 di bawah Penyeliaan dan Penilaian supaya lebih teratur.</li> <li>Jadual 7 kaedah penyeliaan telah diperjelaskan lagi dengan kaedah penilaian secara hibrid.</li> <li>Penilaian LI (Bab 7) telah dimurnikan dengan penajaran konstruktif pentaksiran. Item penilaian dan peratusan markah disesuaikan dengan hasil pembelajaran. Rubrik pula dibangunkan sebagai alat penilaian.</li> </ul> <p><b>9.0 PENYELIAAN DAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI</b></p> <p><b>9.1 Penyeliaan</b></p> <p>9.1.1 Pelajar akan diselia oleh kedua-dua Penyelia Industri dan Penyelia Akademik.</p> <p>9.1.2 Penyeliaan pelajar adalah bersifat berterusan sepanjang tempoh LI berjalan.</p> <p>9.1.3 Penyelia Akademik perlu melakukan lawatan penyeliaan mengikut bilangan dan kaedah seperti di Jadual 8.</p>		
Minggu Pelaksanaan LI	Penyeliaan LI															
8 minggu	Sekali															
10 minggu																
12 minggu																
16 minggu																
24 minggu	Dua kali															

	<p>4.5.2 Penyeliaan oleh pihak Penyelia Industri bersifat berterusan sepanjang tempoh LI berjalan.</p> <p><b>7.0 PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI</b></p> <p><b>7.1 Tujuan Penilaian</b></p> <p>7.1.1 Mengukur prestasi kerja/latihan pelajar LI dalam bidang masing-masing.</p> <p>7.1.2 Menilai perkembangan sahsiah pelajar LI dan bimbingan.</p> <p><b>7.2 Kaedah Penilaian</b></p> <p>Penilaian dilakukan pada TIGA (3) peringkat iaitu:</p> <p>7.2.1. Industri (30%) "Sebarang Perubahan Peratusan Tertakluk kepada Fakulti dan keperluan program masing-masing."</p> <p>7.2.1.1 Prestasi pelajar dinilai oleh pihak Organisasi LI dengan menggunakan Borang Penilaian Penyelia Industri</p> <p>7.2.1.2 Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah; pengetahuan, kemahiran kerja, kualiti hasil kerja, disiplin, ketekunan dan minat, kreatif dan inovatif, sikap bekerjasama, personaliti serta kemahiran berkomunikasi.</p> <p>7.2.2. Fakulti (30%) "Sebarang Perubahan Peratusan Tertakluk kepada Fakulti dan keperluan program masing-masing."</p> <p>7.2.2.1 Pelajar akan dinilai prestasinya oleh Pensyarah Penyelia dengan menggunakan Borang Penilaian Pensyarah Penyelia.</p> <p>7.2.2.2 Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah; pengetahuan, kemahiran kerja, kualiti hasil kerja, disiplin, ketekunan dan minat, kreatif dan inovatif, sikap bekerjasama, personaliti serta kemahiran berkomunikasi.</p> <p>7.2.2.3 Sebagai ringkasan, penilaian di peringkat fakulti terfokus pada;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kualiti Penulisan Laporan Mingguan</li> <li>b) Kualiti Perlaksanaan Tugasan</li> <li>c) Kualiti Hasil Kerja</li> </ul>	<p>Jadual 8: Jumlah dan Kaedah Penyeliaan Mengikut Tempoh LI</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh LI</th> <th>Bilangan Penyeliaan</th> <th>Kaedah Penyeliaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8 minggu</td> <td>Sekali</td> <td>Bersemuka</td> </tr> <tr> <td>10 minggu</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>12 minggu</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>16 minggu</td> <td>Dua kali</td> <td>Sekali : bersemuka Sekali : atas talian</td> </tr> <tr> <td>24 minggu</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>9.1.4 Jumlah penyeliaan juga tertakluk kepada kes-kes khas yang memerlukan penambahan bilangan penyeliaan. Penyeliaan rentas akan dilakukan sekiranya pelajar berpotensi untuk gagal.</p> <p>9.1.5 Bagi tempoh LI untuk 8 – 24 minggu, kaedah penyeliaan adalah secara bersemuka bagi lawatan sosial dan pembentangan tugas khusus.</p> <p>9.1.6 Bagi tempoh LI untuk 12 – 24 minggu, kaedah penyeliaan adalah secara hibrid dimana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• satu (1) kali bagi lawatan sosial - secara bersemuka</li> <li>• satu (1) kali bagi pembentangan tugas khusus- secara atas talian</li> </ul> <p>9.2 Penilaian</p> <p>9.2.1 Penilaian LI melibatkan Penyelia Industri dan Penyelia Akademik. Ianya merangkumi item penilaian seperti jadual berikut:</p> <p><b>Jadual 8: Item Penilaian, Penilai dan Peratusan Markah</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Item Penilaian</th> <th>Penilai</th> <th>Peratusan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bahagian A - Buku Log</td> <td></td> <td>30%</td> </tr> <tr> <td>Bahagian B - Etika dan Profesionalisma</td> <td>Penyelia Industri</td> <td>20%</td> </tr> <tr> <td>Bahagian C - Pembentangan Tugasan Khusus</td> <td></td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td>Bahagian C - Pembentangan Tugasan Khusus</td> <td>Penyelia Akademik</td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td>Bahagian D - Laporan Akhir</td> <td></td> <td>30%</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh LI	Bilangan Penyeliaan	Kaedah Penyeliaan	8 minggu	Sekali	Bersemuka	10 minggu			12 minggu			16 minggu	Dua kali	Sekali : bersemuka Sekali : atas talian	24 minggu			Item Penilaian	Penilai	Peratusan	Bahagian A - Buku Log		30%	Bahagian B - Etika dan Profesionalisma	Penyelia Industri	20%	Bahagian C - Pembentangan Tugasan Khusus		10%	Bahagian C - Pembentangan Tugasan Khusus	Penyelia Akademik	10%	Bahagian D - Laporan Akhir		30%			100%
Tempoh LI	Bilangan Penyeliaan	Kaedah Penyeliaan																																							
8 minggu	Sekali	Bersemuka																																							
10 minggu																																									
12 minggu																																									
16 minggu	Dua kali	Sekali : bersemuka Sekali : atas talian																																							
24 minggu																																									
Item Penilaian	Penilai	Peratusan																																							
Bahagian A - Buku Log		30%																																							
Bahagian B - Etika dan Profesionalisma	Penyelia Industri	20%																																							
Bahagian C - Pembentangan Tugasan Khusus		10%																																							
Bahagian C - Pembentangan Tugasan Khusus	Penyelia Akademik	10%																																							
Bahagian D - Laporan Akhir		30%																																							
		100%																																							

	<p>d) Sahsiah</p> <p>7.2.3. <b>Laporan Akhir (40%)</b>  <b>*Sebarang Perubahan Peratusan Tertakluk kepada Fakulti dan keperluan program masing-masing</b></p> <p>7.2.3.1 Prestasi pelajar dinilai oleh Pensyarah Penyelia dengan menggunakan Borang Penilaian Laporan Akhir Latihan Industri.</p> <p>7.2.3.2 Laporan Akhir Latihan Industri;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan sebuah laporan yang lebih menyeluruh tentang kerja-kerja amali dan teori yang dilaksanakan oleh pelajar sepanjang menjalani latihan industri.</li> <li>• Laporan Akhir Latihan Industri hendaklah ditulis berpandukan format umum yang disediakan.</li> <li>• Lampiran yang berkaitan juga perlu disertakan di dalam laporan ini.</li> <li>• Perlu diingatkan, Laporan Akhir Latihan Industri adalah berdasarkan format yang telah ditetapkan dan dibukukan; bukan naskah yang bersifat himpunan borang serta nota gambarajah.</li> </ul> <p>7.2.3.3 Item-item penilaian Laporan akhir</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kualiti penulisan secara teknikal</li> <li>• Kualiti isi kandungan laporan.</li> </ul>	<p>*Sebarang perubahan tertakluk kepada Fakulti dan keperluan program masing-masing.</p> <p>9.2.2 Penilaian oleh Penyelia Industri</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi pelajar dinilai oleh pihak Organisasi LI dengan menggunakan Borang Penilaian Penyelia Industri iaitu sebanyak 60%.</li> <li>• Pelajar perlu memaklumkan kepada Penyelia Industri berkenaan borang penilaian ini.</li> <li>• Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah; Buku Log, Etika dan Profesionalisma dan Pembentangan Tugas Khusus</li> <li>• Buku Log merujuk kepada catatan segala aktiviti harian pelajar sepanjang menjalani LI yang akan dinilai di minggu terakhir LI.</li> <li>• Etika dan Profesionalisma juga dipantau sepanjang pelajar menjalani LI.</li> <li>• Pembentangan Tugas Khusus merupakan pembentangan secara lisan dan bertulis tentang tugas yang berkaitan dengan bidang yang diberikan kepada pelajar.</li> </ul> <p>9.2.3 Penilaian oleh Penyelia Akademik</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar akan dinilai prestasinya oleh Penyelia Akademik dengan menggunakan Borang Penilaian Penyelia Akademik iaitu sebanyak 40%.</li> <li>• Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah; Pembentangan Tugas Khusus dan Laporan Akhir.</li> <li>• Pembentangan Tugas Khusus merupakan pembentangan secara lisan dan bertulis tentang tugas yang berkaitan dengan bidang yang diberikan kepada pelajar.</li> <li>• Laporan akhir merupakan sebuah laporan yang lebih menyeluruh tentang kerja-kerja amali yang dilaksanakan oleh pelajar sepanjang menjalani LI. Ia mestilah disediakan berdasarkan format yang ditetapkan oleh program masing-masing seperti di Lampiran.</li> </ul> <p>9.2.4 Penilaian Keseluruhan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar perlu membuat serahan Buku Log bersama-sama dengan Laporan Akhir dan Borang Penilaian Penyelia Industri kepada Penyelia Akademik di minggu terakhir LI.</li> <li>• Penyelia Akademik akan membuat penilaian keseluruhan pelajar dan memasukkan markah ke dalam sistem UniSIS.</li> </ul>
--	--	--

#### **4.0 KEPUTUSAN SENAT**

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperakui dan meluluskan Pindaan Garis Panduan Latihan Industri Universiti Pendidikan Sultan Idris (Edisi Kedua) seperti di **Lampiran A**.

#### **5.0 TARIKH KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 7 Mac 2023.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



(PUAN SUHAILA SIDEK)  
Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 7 Mac 2023

# LAMPIRAN A



BUKU GARIS PANDUAN  
**LATIHAN INDUSTRI**  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# **BUKU GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI**

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**DISEDIAKAN OLEH:**  
**JAWATANKUASA BUKU GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI**

Profesor Madya Dr.Ashardi bin Ahas	Pusat Latihan Mengajar dan Latihan Industri
Dr Noor Hidayah binti Azmi	Pusat Latihan Mengajar dan Latihan Industri
ChM. Dr. Mohamad Idris bin Saidin	Fakulti Sains Dan Matematik
Dr. Rawdah Adawiyah binti Tarmizi	Fakulti Sains Dan Matematik
Dr.Rosazley bin Ramly	Fakulti Sains Dan Matematik
Dr. Raja Lailatul Zuraida binti Raja Ma'amor Shah	Fakulti Sains Dan Matematik
Dr. Anuar bin Sarun	Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Dr. Zuriadah binti Ismail	Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Dr. Asmawi bin Hashim	Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Dr. Ahmad Zakirullah bin Mohamed Shaarani	Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
En. Ahmad bin Mahmood	Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Ts. Salman Firdaus bin Sidek	Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Dr. Mad Helmi bin Ab. Majid	Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Dr. Mohd Fauzi bin Harun	Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Dr Catherina Anak Ugap	Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Dr. Nor Shuradi bin Haji NorHashim	Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan
Dr. Haneem binti Said	Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan
Encik Suflan Faidzal bin Arshad	Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan
Dr. Mohansundar Sankaravel	Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan
Dr Fadilah binti Kassim	Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan
Pn Mirza Azny binti Mustafa	Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan
Dr. Ibrahim Youssef Abdelhamid	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Dr. Foo Ai Peng	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Dr. Khairul Azam bin Bahari	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
En. Muhamad Lothfi bin Zamri	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
En Khairul Ghufran bin Kaspin	Fakulti Sains Kemanusiaan

# KATA-KATA ALUAN PENGARAH

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,  
Syukur Alhamdulillah kerana Garis Panduan Latihan Industri UPSI (Pindaan 2023) dapat dihasilkan. Buku garis panduan ini sangat berguna kepada pelajar, Penyelia Industri, Penyelia Akademik, Penyelaras Latihan Industri dan Majikan di Organisasi. Garis panduan ini dihasilkan berdasarkan kepada Buku Panduan Latihan Industri Tahun 2022. Perubahan yang dilakukan adalah meliputi peraturan dalam Latihan Industri, pelaksanaan latihan Industri dan kriteria kelayakan Penyelia Akademik dan Penyelia Industri.

Dalam merealisasikan hasrat universiti dan pihak kerajaan dalam melahirkan individu yang berpengetahuan, mempunyai kompetensi dalam bidang, berinovasi, kreatif dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, aspek dalam latihan industri harus menjadi agenda penting bagi melatih pelajar. Hubungan di antara Penyelia Akademik, Penyelia Industri dan Majikan hendaklah berdasarkan kepada saling bantu-membantu dalam mencapai objektif Latihan Industri diadakan. Umum mengetahui, Latihan Industri adalah satu kursus yang menempatkan pelajar disesetiap organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Oleh itu, adalah wajar untuk Garis Panduan Latihan Industri ditambah baik agar "roh" dalam falsafah Latihan Industri berkenaan dapat dilaksanakan.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat terutamanya Dekan-Dekan, Timbalan-timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar), Penyelaras Latihan Industri dan Urus setia di PuLaMI di atas sumbangannya dan komitmen yang diberi. Semoga usaha ini dapat menyumbang kepada kualiti pembangunan akademik di UPSI dan dirahmati oleh Allah subhanahuwataala hendakNya.

Sekian, terima kasih.


**Pengarah**  
**Pusat Latihan Mengajar dan Industri**  
**10 Januari 2023**



## VISI, MISI DAN MOTO

Pusat Latihan Mengajar dan Industri UPSI berlitzam menguruskan penempatan, penyeliaan dan latihan kepada pelajar dan staf secara holistik dan efisien.

"Universiti No. 1  
Pendidikan"



Menjadi sebuah pusat contoh dan amalan tanggungjawab yang cemerlang dan terkehadapan dalam latihan mengajar dan industri

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

<b>1.0 PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>2.0 OBJEKTIF DAN HASIL PEMBELAJARAN.....</b>	<b>1</b>
2.1    Objektif Latihan Industri.....	1
2.2    Hasil Pembelajaran Latihan Industri .....	1
<b>3.0 PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI.....</b>	<b>2</b>
3.1    Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI) .....	2
3.2    Tanggungjawab Penyelaras Latihan Industri.....	2
3.3    Tanggungjawab Penyelia Akademik .....	3
3.4    Tanggungjawab Penyelia Industri.....	3
<b>4.0 TANGGUNGJAWAB, SKOP DAN ETIKA PELAJAR.....</b>	<b>4</b>
4.1    Tanggungjawab Pelajar .....	4
4.2    Skop Tugasan Pelajar.....	4
4.3    Tata tertib Semasa Menjalani Latihan Industri .....	5
<b>5.0 SYARAT LATIHAN INDUSTRI.....</b>	<b>6</b>
5.1    Syarat Kelayakan Mendaftar LI .....	6
5.2    Pendaftaran Kursus dan Penempatan Latihan Industri.....	6
5.3    Tempoh dan Jam Kredit Latihan Industri .....	6
5.4    Syarat Lulus Latihan Industri.....	8
<b>6.0 PERATURAN LATIHAN INDUSTRI.....</b>	<b>9</b>
6.1    Taklimat Latihan Industri.....	9
6.2    Penempatan di Organisasi.....	9
6.3    Melapor Diri di Organisasi.....	11
6.4    Kehadiran .....	11
6.5    Waktu Latihan Industri.....	11
6.6    Imbuhan atau Elaun .....	12

6.7	Cuti .....	12
6.8	Insuran.....	13
<b>7.0</b>	<b>KES-KES LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>13</b>
7.1	Ketiadaan Penempatan.....	13
7.2	Ketidakhadiran ke Organisasi.....	13
7.3	Pertukaran Organisasi Latihan Industri .....	14
7.4	Penamatan Latihan Industri.....	14
7.5	Pelanjutan Tempoh Latihan Industri.....	15
7.6	Kerosakan Harta Benda.....	15
7.7	Penangguhan Latihan Industri .....	16
7.8	Gagal Latihan Industri.....	16
<b>8.0</b>	<b>PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>17</b>
8.1	Sebelum Latihan Industri.....	17
8.2	Semasa Latihan Industri.....	18
8.3	Selepas Latihan Industri.....	19
<b>9.0</b>	<b>PENYELIAAN DAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>20</b>
9.1	Penyeliaan.....	20
9.2	Penilaian .....	20
<b>10.0</b>	<b>LAMPIRAN DOKUMEN LATIHAN INDUSTRI .....</b>	<b>23</b>
10.1	Lampiran A : Borang Latihan Industri.....	23
10.2	Lampiran B : Penulisan Laporan.....	38
10.3	Lampiran C : Penilaian Latihan Industri.....	44

**SENARAI JADUAL****MUKA SURAT**

Jadual 1	Tempoh dan Jam Kredit Mengikut Program	7
Jadual 2	Gred Lulus Latihan Industri	9
Jadual 3	Penempatan LI	10
Jadual 4	Jumlah Cuti Sakit Mengikut Tempoh LI	12
Jadual 5	Ringkasan Proses Sebelum Menjalani Latihan Industri	17
Jadual 6	Ringkasan Proses Semasa Menjalani Latihan Industri	18
Jadual 7	Ringkasan Proses Selepas Menjalani Latihan Industri	19
Jadual 8	Jumlah dan Kaedah Penyeliaan Mengikut Tempoh LI	20
Jadual 9	Item Penilaian, Penilai dan Peratusan Markah	21

**SENARAI JADUAL****MUKA SURAT****Lampiran A: Surat/Borang Latihan Industri**

Lampiran A1	Contoh <i>Resume</i>	24
Lampiran A2	Contoh Surat Jaminan Insuran	25
Lampiran A3	Surat Permohonan Penempatan Latihan Industri	26
UPSI/PLMI/LI/B01/Pin00	Borang Penerimaan Penempatan Latihan Industri	27
Lampiran A4	Surat Pengesahan Penempatan	30
UPSI/PLMI/LI/B02/Pin01	Borang Lapor Diri	31
UPSI/PLMI/LI/B03/Pin00	Borang Permohonan Penambahan Masa LI	33
UPSI/PLMI/LI/B04/Pin00	Borang Permohonan Penangguhan	36

**Lampiran B: Penulisan Laporan**

Lampiran B1	Buku Log	39
Lampiran B2	Panduan Format Penulisan Laporan Akhir	42

**Lampiran C: Penilaian Latihan Industri**

UPSI/PLMI/LI/B05/Pin00	Borang Penilaian Penyelia Industri	45
UPSI/PLMI/LI/B06/Pin00	Borang Penilaian Penyelia Akademik	46
UPSI/PLMI/LI/B07/Pin00	Borang Penilaian Keseluruhan Latihan Industri	47

## **1.0 PENGENALAN**

Garis Panduan Latihan Industri ini disediakan oleh Pusat Latihan Mengajar dan Latihan Industri (PuLaMI) bagi memberi panduan tentang pelaksanaan kursus Latihan Industri (LI) yang dijalankan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Garis panduan ini bertujuan memudahkan Penyelaras LI, Penyelia Akademik, Penyelia Industri dan para pelajar untuk memahami peranan masing-masing dalam pelaksanaan LI. Selain itu, buku ini menerangkan tentang syarat, peraturan, pelaksanaan, kaedah penyeliaan dan penilaian. Semua akta-akta, surat pekeliling, surat siaran, arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa perlu dibaca bersama garis panduan ini.

Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi telah menetapkan LI sebagai salah satu kursus wajib diikuti oleh setiap pelajar yang menjalani pengajian di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah. Pelajar wajib lulus kursus LI bagi memenuhi syarat penganugerahan di peringkat Diploma/ISM/ISMP dan Sarjana.

## **2.0 OBJEKTIF DAN HASIL PEMBELAJARAN**

Objektif dan hasil pembelajaran LI adalah seperti berikut:

### **2.1 Objektif Latihan Industri**

- 2.1.1 Mempraktikkan pengetahuan akademik di universiti ke dalam alam pekerjaan sebenar.
- 2.1.2 Meningkatkan kemahiran yang telah dipelajari dalam perlaksanaan tugas yang diberikan.
- 2.1.3 Mempamerkan komunikasi yang berkesan secara menyeluruh di pelbagai peringkat.
- 2.1.4 Mengamalkan etika profesional dalam bidang masing-masing.

### **2.2 Hasil Pembelajaran Latihan Industri**

- 2.2.1 Menghubungkaitkan ilmu yang dipelajari di universiti dengan pengalaman di tempat kerja.
- 2.2.2 Memperolehi pengalaman dan kemahiran yang boleh dimanfaatkan untuk memilih pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian.

- 2.2.3 Menambahbaik kemahiran berkomunikasi berkesan secara lisan dan bertulis.
- Bertindak secara beretika dalam melaksanakan tugas bagi mencapai matlamat organisasi.

## **3.0 PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI**

Pentadbiran bagi pelaksanaan Latihan Industri adalah di bawah pengurusan Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI) yang diterajui oleh Pengarah PuLaMI yang dibantu oleh Timbalan Pengarah Latihan Industri dan Pembantu Tadbir Latihan Industri. Ianya diselaraskan di peringkat Fakulti oleh Penyelaras Latihan Industri yang dilantik oleh pihak jabatan.

### **3.1 Tanggungjawab Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI)**

- 3.1.1 Merangka pelaksanaan LI melalui garis panduan LI.
- 3.1.2 Menyediakan dokumen rasmi yang diperlukan sepanjang LI berlangsung.
- 3.1.3 Menguruskan pendaftaran penempatan LI pelajar di dalam sistem UniSIS.
- 3.1.4 Meluluskan pendaftaran penempatan LI pelajar di dalam sistem UniSIS.
- 3.1.5 Memastikan Penyelaras LI menetapkan Penyelia Akademik dalam sistem UniSIS.
- 3.1.6 Memantau proses kemasukkan markah oleh Penyelia Akademik dalam sistem UniSIS.
- 3.1.7 Menyediakan laporan markah dan gred pelajar LI; beserta laporan-laporan lain yang berkaitan, untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Universiti.

### **3.2 Tanggungjawab Penyelaras Latihan Industri**

- 3.2.1 Memastikan pelaksanaan LI mengikut garis panduan LI dan takwim yang ditetapkan oleh PuLaMI.
- 3.2.2 Mengenalpasti pelajar yang layak menjalani LI.
- 3.2.3 Memberi penerangan dan taklimat kepada pelajar sebelum LI bermula.
- 3.2.4 Menentukan kesesuaian organisasi bagi penempatan LI pelajar.

- 3.2.5 Menetapkan Penyelia Akademik bagi setiap pelajar.
- 3.2.6 Memberi penasihatan berkaitan dengan permasalahan LI.
- 3.2.7 Memantau proses kemasukkan markah dan menyelaras markah / gred pelajar LI di peringkat Fakulti.

### **3.3 Tanggungjawab Penyelia Akademik**

- 3.3.1 Melakukan bimbingan, pemantauan dan penyeliaan pelajar yang menjalani LI.
- 3.3.2 Menilai pembentangan LI pelajar dan membuat penilaian menggunakan Borang Penilaian Penyelia Akademik.
- 3.3.3 Menerima laporan akhir pelajar dan membuat penilaian menggunakan Borang Penilaian Penyelia Akademik.
- 3.3.4 Mendapatkan buku log dari pelajar.
- 3.3.5 Mendapatkan Borang Penilaian Penyelia Industri dari Industri.
- 3.3.6 Mengisi markah LI pelajar di dalam sistem UniSIS.

### **3.4 Tanggungjawab Penyelia Industri**

- 3.4.1 Menyelia tugas-tugas pelajar semasa menjalani LI.
- 3.4.2 Mengesahkan Buku Log pelajar secara berkala.
- 3.4.3 Menilai prestasi kerja pelajar di akhir LI dan mengisi borang penilaian.
- 3.4.4 Menilai pembentangan LI pelajar dan mengisi borang penilaian.
- 3.4.5 Menilai etika profesionalisma pelajar dan mengisi borang penilaian.
- 3.4.6 Melaporkan kepada Penyelia Akademik berkenaan prestasi pelajar.
- 3.4.7 Bertanggungjawab memaklumkan kepada Penyelia Akademik sekiranya berlaku sebarang masalah berhubung dengan pelajar.

## **4.0 TANGGUNGJAWAB, SKOP DAN ETIKA PELAJAR**

Semasa menjalani LI, pelajar adalah tertakluk kepada peraturan Universiti serta peraturan Organisasi di mana pelajar ditempatkan.

### **4.1 Tanggungjawab Pelajar**

- 4.1.1 Pelajar wajib melapor diri di organisasi penempatan pada hari dan masa yang ditetapkan seperti dalam surat tawaran.
- 4.1.2 Pelajar mestilah mematuhi dasar, peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh organisasi dan UPSI.
- 4.1.3 Semasa menjalani kursus LI, pelajar perlu menjaga nama baik UPSI dan majikan.
- 4.1.4 Pelajar dikehendaki menghubungi dan berbincang dengan Penyelia Akademik terlebih dahulu sekiranya berlaku sebarang masalah di tempat LI.
- 4.1.5 Pelajar tidak dibenarkan bertukar organisasi penempatan tanpa kebenaran fakulti kecuali atas sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan dan ia tertakluk kepada kelulusan pihak PuLaMI.
- 4.1.6 Pelajar tidak dibenarkan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang dilarang oleh pihak UPSI dan organisasi penempatan.
- 4.1.7 Pelajar perlu memastikan semua borang berkaitan diisi dan diserahkan kepada pihak berkenaan.
- 4.1.8 Pelajar wajib menghantar laporan akhir dan buku log selewat-lewatnya seminggu selepas tamat LI.
- 4.1.9 Pelajar bertanggungjawab untuk memenuhi syarat-syarat LI seperti dalam garis panduan, sekiranya gagal berbuat demikian tindakan tatatertib akan diambil.

### **4.2 Skop Tugasan Pelajar**

- 4.2.1 Skop tugas harus memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam bidang pengkhususan masing-masing.

- 4.2.2 Persetujuan antara Fakulti dan Organisasi adalah perlu untuk menentukan tugas spesifik pelajar yang menjalani LI.
- 4.2.3 Pelajar perlu mematuhi skop latihan yang ditentukan bagi setiap program pengajian.

#### **4.3 Tatatertib Semasa Menjalani Latihan Industri**

- 4.3.1 Pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30) dan Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 sepanjang menjalani LI.
- 4.3.2 Pelajar juga tertakluk kepada peraturan dan arahan organisasi yang dipilih sepanjang tempoh LI.
- 4.3.3 Jika sekiranya terdapat percanggahan antara Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30) dan Kaedah- kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dengan peraturan atau arahan tempat di mana latihan itu dijalankan, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Akta 30) dan Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 hendaklah terpakai.
- 4.3.4 Jika sekiranya pelajar terlibat/ditahan/didakwa dengan sebarang kesalahan jenayah, pelajar boleh digantung pengajian sehingga kes selesai atas nasihat pegawai undang-undang universiti. Pelajar dianggap sebagai menangguh pengajian sehingga kes dimuktamatkan.
- 4.3.5 Jika sekiranya pelajar menghadapi gangguan keselamatan diri/gangguan seksual, pelajar dinasihatkan untuk melaporkan ke pihak polis dan penyelaras LI.
- 4.3.6 Pelajar hendaklah pada setiap masa menunjukkan tahap disiplin yang tinggi, berkelakuan baik dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Organisasi di mana pelajar ditempatkan. Pelajar ditegah dari membocorkan rahsia dan memberi sebarang maklumat berkaitan urus niaga pihak Organisasi semasa atau selepas menjalani LI.
- 4.3.7 Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas dan rapi tertakluk kepada etika pemakaian Organisasi.

## **5.0 SYARAT LATIHAN INDUSTRI**

### **5.1 Syarat Kelayakan Mendaftar LI**

- 5.1.1 Pelajar telah menyelesaikan semua kursus yang diwajibkan berdasarkan kepada struktur program pengajian masing-masing (tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti).
- 5.1.2 Pelajar sihat dari segi fizikal dan mental.

### **5.2 Pendaftaran Kursus dan Penempatan Latihan Industri**

Pelajar perlu melakukan pra-pendaftaran kursus dan pendaftaran penempatan sebelum menjalani LI.

#### **5.2.1 Pra-Pendaftaran Kursus**

- Pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus LI melalui sistem UniSIS pada minggu ke-11 dalam **satu (1) semester** sebelum LI bermula.
- Pelajar tidak dibenarkan mendaftar lain-lain kursus ketika menjalani LI.
- Kegagalan membuat pra-pendaftaran kursus LI akan menyebabkan kegagalan pendaftaran penempatan LI.

#### **5.2.2 Pendaftaran Penempatan**

- Pelajar wajib membuat pendaftaran penempatan melalui sistem UniSIS selewat-lewatnya **dua (2) minggu** sebelum melapor diri di industri.
- Kegagalan membuat pendaftaran penempatan akan menyebabkan masalah bagi penyeliaan dan penilaian LI.

### **5.3 Tempoh dan Jam Kredit Latihan Industri**

LI dilaksanakan dalam jangka masa mengikut ketetapan Fakulti:

- 5.3.1 Tempoh LI bergantung kepada struktur program pengajian masing-masing seperti dalam Jadual 1.
- 5.3.2 Tempoh LI bagi program pengajian di UPSI adalah dalam julat 8-24 minggu.

5.3.3 Pengiraan jam kredit adalah mengikut garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 1 jam kredit bersamaan dengan dua (2) minggu LI.

5.3.4 Pelajar perlu mematuhi takwim yang ditetapkan oleh PuLaMI dari masa ke semasa.

**Jadual 1: Tempoh dan Jam Kredit Mengikut Program**

Fakulti	Kod Program	Program Diploma	Kod Kursus	Jam Kredit	Tempoh
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi	A2212	Diploma Keusahawanan	PPI1078	8	16 minggu
Fakulti Sains dan Matematik	A2000	Diploma Sains		6	12 minggu
	A2003	Diploma Teknologi Makmal	SUL1016	6	12 minggu
	A2002	Diploma Sains (Matematik)		6	12 minggu
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan	A2112	Diploma Muzik	AMI1336	6	12 minggu
	A2125	Diploma Tari	APP1016	6	12 minggu
	A2126	Diploma Teater		6	12 minggu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	A2150	Diploma Bahasa Inggeris	BIK1136	6	12 minggu
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	A2039	Diploma Sains Sukan dan Kejurulatihan	QLI1016	6	12 minggu
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif	A2160	Diploma Reka Bentuk Permainan		4	8 minggu
	A2813	Diploma Sains Komputer	MLI1014	4	8 minggu
Fakulti	Kod Program	Program Ijazah Sarjana Muda	Kod Kursus	Jam Kredit	Tempoh
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif	AC10	ISM Kejuruteraan Perisian (Perisian Pendidikan)	MLI30112	12	24 minggu
	AC33	ISM Reka Bentuk (Permainan Digital)		12	24 minggu
	AH16	ISM Reka Bentuk (Pengiklanan)	MLI40112	12	24 minggu
	AH17	ISM Reka Bentuk (Animasi)		12	24 minggu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	AB14	ISM Komunikasi (Komunikasi Sosial)	BKC31212	12	24 minggu
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi	AE02	ISM Perakaunan	PAI40112	12	24 minggu
	AE14	ISM Pentadbiran Perniagaan (Perkhidmatan Kewangan)		8	16 minggu
	AE11	ISM Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia)	PBI4018	8	16 minggu
	AE07	ISM Ekonomi (Kewangan)		6	12 minggu
	AE23	ISM Ekonomi (Kewangan Islam)	PEK4016	6	12 minggu

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	AS74	ISM Sains Sukan (Sains Kejurulatihan)	QLI3018	8	16 minggu
	AS72	ISM Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) Semester 8	QRL3028	8	16 minggu
	AS72	ISM Sains Sukan (Rehabilitasi Sukan) Semester 6	QRL3013	8	16 minggu
Fakulti Pembangunan Manusia	AA16	ISM Psikologi	KST3708	8	16 minggu
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan	AA06	ISM Seni Persembahan (Teater)	ATP3026	6	12 minggu
	AA56	ISM Seni Persembahan (Tari)	ADP3026	6	12 minggu
Fakulti	Kod Program	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan / Dengan Pendidikan	Kod Kursus	Jam Kredit	Tempoh
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	AT49	ISM Bahasa Arab Dengan Pendidikan	BAI3016	6	12 minggu
	AT50	ISM Bahasa Cina Dengan Pendidikan	BCI3016	6	12 minggu
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif	AT20	ISMP (Teknologi Maklumat)		4	8 minggu
	AT46	ISMP (Multimedia)	MLI4014	4	8 minggu
	AT47	ISMP (Teknologi Reka Bentuk Berkomputer)		4	8 minggu
Fakulti Sains dan Matematik	AT48	ISM Sains (Matematik) Dengan Pendidikan	SML3014	4	8 minggu
Fakulti Sains Kemanusiaan	AT58	ISM Pengajian Malaysia Dengan Pendidikan	HNL3014	4	8 minggu

## 5.4 Syarat Lulus Latihan Industri

5.4.1 Pelajar perlu mengikuti semua penilaian sebagai memenuhi syarat lulus LI.

5.4.2 Gred lulus LI adalah C+ dan ke atas (Rujuk Jadual 2).

**Jadual 2: Gred Lulus Latihan Industri**

Markah	Gred	Nilai Gred	
80 -100	A	4.00	Lulus LI
75 - 79	A-	3.75	
70 - 74	B+	3.50	
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.75	
55 - 59	C+	2.50	
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.75	
40 - 44	D+	1.50	
35 - 39	D	1.00	
0 - 35	F	0.00	

- 5.4.1 Pelajar yang memperoleh gred gagal, iaitu gred C dan ke bawah hanya dibenarkan mengulang sebanyak **satu (1) kali** sahaja.
- 5.4.2 Pelajar yang masih memperoleh gred C dan ke bawah sebanyak **dua (2) kali** akan Diberhentikan (DB). (Rujuk Perkara 14.4.2 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris)

## 6.0 PERATURAN LATIHAN INDUSTRI

### 6.1 Taklimat Latihan Industri

- 6.1.1 Pelajar dikehendaki menghadiri taklimat akhir LI yang akan diadakan oleh pihak PuLaMI dan Fakulti.
- 6.1.2 Taklimat ini adalah untuk memberi panduan kepada pelajar mengenai etika, peraturan, tindakan disiplin dan tatatertib semasa menjalani LI.

### 6.2 Penempatan di Organisasi

- 6.2.1 Penempatan pelajar menjalani LI meliputi organisasi yang berada di:
- Dalam negara
  - Luar negara
- 6.2.2 Penempatan LI terdiri dari daripada sektor:

- Sektor Swasta: Keutamaan perlu diberikan kepada sektor swasta contohnya seperti Syarikat Berhad (Multinasional), Syarikat Berhad (Tempatan), Syarikat Sdn Bhd dan setara dengannya.
- Sektor Awam: Meliputi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan Berkunun.

**6.2.3 Pemilihan penempatan LI adalah berdasarkan kriteria berikut:**

- Penetapan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali ke 123 Bil 3/2019 bertarikh 15 Mei 2019 (Rujuk Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemah UPSI) seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Penempatan LI**

Zon	Negeri
Utara	sehingga Pulau Pinang
Timur	sehingga Pahang
Selatan	sehingga Melaka

- Potensi penempatan: Terdiri daripada negeri yang mempunyai bandar-bandar besar yang menawarkan peluang latihan yang tinggi seperti Pulau Pinang, Perak, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, dan Johor.
- Kesesuaian bidang : Bersesuaian dengan bidang pengajian mengikut keperluan program masing-masing. Jika penempatan tersebut berada di luar had sempadan negeri yang ditetapkan, penyelaras LI perlu mendapatkan kelulusan dari pihak PulaMI .
- Walaubagaimanapun, ketetapan negeri yang dibenarkan menjalani LI juga tertakluk kepada hebahan semasa.

**6.2.4 Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di organisasi berikut:**

- Sekolah: Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di sekolah harian kecuali di sekolah seni dan sukan beserta kelulusan dari PuLaMI.
- Mempunyai Pertalian keluarga: Pelajar tidak dibenarkan menjalani LI di organisasi yang mempunyai pertalian keluarga dan individu yang berkepentingan seperti pemegang saham, syarikat milik keluarga dan setara dengannya.

- UPSI: Penempatan LI di UPSI tidak digalakkan kecuali untuk kes-kes khas sahaja.
- 6.2.5 Sebarang urusan berkaitan penempatan LI mestilah melalui penyelaras LI dan PuLaMI.

### **6.3 Melapor Diri di Organisasi**

- 6.3.1 Pelajar dikehendaki melapor diri di organisasi LI pada masa dan tarikh yang ditetapkan.
- 6.3.2 Semasa melapor diri, pelajar dikehendaki membawa dokumen-dokumen seperti Surat Penempatan LI, Borang Lapor Diri dan Kad Matrik Pelajar.
- 6.3.3 Pelajar perlu membuat serahan Borang Lapor Diri yang telah disahkan oleh Penyelia Industri kepada Penyelia Akademik dalam tempoh **seminggu** dari tarikh lapor diri.
- 6.3.4 Sekiranya pelajar tidak dapat melapor diri pada tarikh yang ditetapkan, pelajar hendaklah memaklumkan kepada Majikan dan Penyelaras LI program masing-masing secara bertulis dengan kadar segera.
- 6.3.5 Pelajar diminta untuk menggantikan hari ketidakhadiran tersebut bergantung kepada budi bicara majikan.

### **6.4 Kehadiran**

- 6.4.1 Pelajar diwajibkan menghadiri LI sepenuhnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan bagi setiap program.
- 6.4.2 Sekiranya pihak organisasi memerlukan pelajar hadir lebih awal dari tarikh yang ditetapkan, pihak organisasi hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada penyelaras LI.
- 6.4.3 Memaklumkan kepada organisasi mengikut kaedah yang sesuai sekiranya terpaksa sampai lewat kerana sebab yang tidak dapat dielakkan.

### **6.5 Waktu Latihan Industri**

- 6.5.1 Pelajar dikehendaki mematuhi masa bekerja seperti yang ditetapkan oleh Organisasi.
- 6.5.2 Pelajar dikehendaki mematuhi jumlah waktu bekerja yang ditetapkan iaitu minimum 40 jam seminggu dan tidak lebih dari 48 jam seminggu.

- 6.5.3 Namun ianya tertakluk kepada keperluan organisasi selagi ianya munasabah dan tidak melampaui batas.

## **6.6 Imbuhan atau Elaun**

- 6.6.1 Pihak Universiti tidak menyediakan sebarang pembiayaan kepada pelajar sepanjang tempoh LI.
- 6.6.2 Pelajar boleh menggunakan biasiswa yang diperuntukkan untuk semester tersebut bagi menampung biaya sepanjang tempoh menjalani LI.
- 6.6.3 Pihak industri digalakkan untuk memberi elaun kepada pelajar mengikut kadar yang sesuai dengan organisasi mereka.
- 6.6.4 Namun, imbuhan adalah tertakluk kepada industri. Pelajar tidak dibenarkan meminta sebarang imbuhan, elaun atau upah kecuali merupakan pemberian dari organisasi.

## **6.7 Cuti**

Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti sewaktu menjalani LI kecuali dengan kelulusan organisasi.

### **6.7.1 Cuti Rehat**

Tiada peruntukan bagi Cuti Rehat bagi pelajar yang sedang menjalani LI.

### **6.7.2 Cuti Peristiwa**

